

HARI : JUMAAT

TARIKH : 14/6/2019

M/SURAT : 37

Francaisi berpeluang terokai industri francais pada MIRF

KUALA LUMPUR 13 Jun - Pameran Runcit dan Francais Antarabangsa Malaysia (MIRF) akan menjadi platform bagi francaisi untuk menerokai industri francais, semasa kalangan perniagaan memperkenalkan jenama mereka yang sudah terkenal.

Presiden Persatuan Rantauan Peruncit (MRCA), Datuk Seri Garry Chua berkata, pameran itu membolehkan pem-pamer, industri dan orang awam untuk libat urus sesama mereka secara efektif.

Beliau berkata, MIRF keempat akan menumpukan pada jenama francais dan fokus terhadap hubungan dua hala antara francaisor dan francais.

"Francaisi juga dapat melihat manfaat operasi perniagaan sedia ada termasuk produk, perkhidmatan dan pengiktirafan jenama yang sudah terkenal.

"Francaisor juga akan mendapat manfaat daripada hubungan pertumbuhan bersama, meningkatkan ekuiti jenama, kesetiaan pelanggan dan pengembangan antarabangsa," katanya pada sidang media mengenai MIRF di sini

hari ini.

Pameran itu akan diadakan pada 18 hingga 20 Julai, dijangka menjana hasil sebanyak RM90 juta untuk pem-pamer.

Bertema 'Masa Depan Francaisi', ia akan memperkenalkan lebih 200 pem-pamer tempatan dan asing dari pelbagai negara termasuk Taiwan, China, Vietnam dan Singapura. Ia dijangka menarik 18,000 pengunjung tempatan dan asing.

Sementara itu, pengurus pengajur Raymond Woo berkata, MIRF merupakan tempat yang hebat bagi inovasi, rangsangan ekonomi, pertumbuhan, pembangunan dan pendedahan kepada perniagaan yang terlibat dalam industri runcit dan francais.

Beliau berkata, terdapat peningkatan 30 peratus bagi jualan ruang pameran dan kadar jualan itu dianggap sebagai luar biasa.

"Kami berharap untuk meneruskan pertumbuhan ini sehingga menjadi pameran peneraju bagi industri runcit di Asia Tenggara," katanya. - BERNAMA



GARRY CHUA